

Lembaran Pendedahan Produk

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Homeguard. Pastikan juga Anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am di dalam kontrak polisi ("Kontrak Polisi").

Disediakan untuk: _____ Tarikh Cetakan: _____

Penyedia Khidmat Kewangan	: Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")
Nama Produk	: Homeguard ("Polisi")

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan ke atas isi rumah dan barangan peribadi. Ia melindungi kerosakan disebabkan oleh kebakaran, kilat, letupan, kerosakan pesawat, kerosakan akibat hentaman, tangki, radas atau paip air rumah pecah atau melimpah atau apa-apa peril yang dinyatakan di dalam polisi insurans.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

(a) Seksyen 1 – Kandungan

- Kecurian
- Rusuhan, mogok dan kerosakan dengan niat jahat
- Penenggelaman dan tanah runtuh
- Cermin pecah (sehingga RM 500)
- Liabiliti kepada pihak ketiga (sehingga RM 300,000)
- Pasukan bomba (sehingga RM 500)
- Wang tunai (sehingga RM 500)
- Penggantian kunci pintu (sehingga RM 500)
- Makanan sejuk beku dan mudah rosak (sehingga RM 500)
- Barangan peribadi pembantu rumah dan tetamu (sehingga RM 250)
- Pembersihan puing (5% dari Jumlah Yang Diinsuranskan)

(b) Seksyen 2 – Perkara-perkara Luar Jangkaan Yang Lain

- Liabiliti kepada awam
- Perlindungan Kemalangan Diri sehingga RM 25,000 (diberikan kepada orang yang dinamakan di dalam cadangan)

Anda boleh memperluas perlindungan yang berikut dengan membayar premium tambahan:

(c) Pilihan – Program Bantuan Perubatan Domestik (DMA)

DMA adalah perkhidmatan khas yang menyediakan bantuan perubatan di dalam negara dengan bantuan perubatan 24 jam yang akan menyediakan penjagaan perubatan yang diperlukan sewaktu berlaku kecemasan ke atas pemegang polisi. Faedah-faedah DMA termasuk:

- Rujukan kepada doktor dan hospital
- Pemanduan kecemasan perubatan
- Repatriasi di bawah penyeliaan perubatan
- Penghantaran ubat
- Jaminan kemasukan hospital

Nota: Sila rujuk kepada keterangan penuh dan faedah dan skala faedah dalam kontrak polisi.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar ?

Jumlah premium yang perlu anda bayar adalah berbeza bergantung kepada pilihan Jumlah Yang Diinsuranskan, perlindungan tambahan yang diperlukan dan keperluan pengunderitan oleh syarikat insurans:

Luas Lantai (dalam kaki persegi)		Nilai Rendah (RM)	Nilai Pertengahan (RM)	Nilai Tinggi (RM)
Sehingga 1,000	Jumlah Yang Diinsuranskan	30,000.00	40,000.00	60,000.00
	Premium Tahunan	212	283	425
1,001 hingga 2,500	Jumlah Yang Diinsuranskan	50,000.00	70,000.00	90,000.00
	Premium Tahunan	354	496	561

2,501 dan ke atas	Jumlah Yang Diinsuranskan	75,000.00	100,000.00	120,000.00
	Premium Tahunan	531	624	748

Untuk setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya yang melebihi RM120,000 selepas itu akan dikenakan tambahan premium sebanyak RM6. Premium ini tidak termasuk dengan Duti Setem sebanyak RM10. Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar adalah termasuk dengan komisen ejen.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	20% daripada premium
Duti Setem	RM10
Pilihan DMA	RM10.60
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium

Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kepentingan Pendedahan

• **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

• **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

(b) Fasal warranti premium – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari polisi/pengendorsan/pembaharuan berkuatkuasa, jika gagal kontrak itu dibatalkan secara automatic

(c) Jumlah Yang Diinsuranskan – Anda harus memastikan isi rumah diinsuranskan atas jumlah yang bersesuaian bersama dengan pengisytiharan barangan yang melebihi 5% dari Jumlah Yang Diinsuranskan. Jumlah nilai platinum, emas dan barangan perak, barang kemas dan pakaian bulu binatang hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada Jumlah Yang Diinsuranskan

(d) Jika barangan yang melebihi 5% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan tidak diisytihar maka jumlah maksimum yang boleh dituntut (jika berlaku kerugian) hanyalah 5% daripada Jumlah Yang Diinsuranskan

(e) Allianz tidak akan bertanggungjawab sekiranya Rumah Kediaman Persendirian ditinggalkan atau tidak dihuni selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara berterusan atau tidak dalam tempoh diinsuranskan terhadap Peril-peril di atas

6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kejadian-kejadian berikut:

- (a) Perang, dahagi, rusuhan, kuasa tentera atau rebutan kuasa
- (b) Kematian dan Hilang Upaya Kekal oleh sebab kemalangan kenderaan motor beroda dua
- (c) Bahan-bahan senjata nuklear
- (d) Kerugian turutan atau kerosakan lanjutan dalam apa jua keadaan

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk pada Kontrak Polisi bagi senarai penuh pengecualian di dalam Polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan Polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada Allianz. Pembatalan akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis tersebut, mana-mana terkemudian. Setelah pembatalan, sebarang pulangan bayaran premium adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada pihak Kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi Anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada Anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu kepada ejen berdaftar, cawangan atau khidmat pelanggan Kami.

9. Bagaimanakah cara untuk saya membuat tuntutan?

Anda boleh melawati allianz.com.my untuk maklumat lebih lanjut. Anda dinasihatkan untuk menghantar tuntutan Anda (jika ada) kepada Kami secepat mungkin.

10. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk laman web Kami di allianz.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral

Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542

Emel: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan isi rumah yang boleh didapati:

- (a) Polisi houseowner / householder

Nota Penting:

Anda perlu membaca dan memahami Polisi insurans ini dan berbincang dengan ejen atau hubungi syarikat insurans untuk maklumat lanjut.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/06/2024.